



PERUTUSAN PENERUSI

PERUTUSAN Pengerusi

Dato' Mohammad Faiz Azmi



Dengan penuh penghormatan, saya selaku Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) membentangkan Laporan Tahunan SC bagi tahun 2024.

Tahun 2024 menyaksikan peralihan kepimpinan untuk organisasi yang dihormati ini. Saya mula menyandang jawatan Pengerusi pada pertengahan Jun, menggantikan Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin. Sumbangan beliau yang tidak ternilai telah meletakkan asas yang kukuh bagi beberapa inisiatif dan pencapaian yang dinyatakan dalam laporan ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Dato' Seri atas kepimpinan teladan beliau, khususnya dalam pelaksanaan pelbagai inisiatif bagi memastikan kemampanan kewangan SC serta pengenalan skim pembelian habis secara sukarela bagi faedah perubahan selepas tamat perkhidmatan.

Kemajuan yang membanggakan ini, bersama langkah-langkah yang diperkenalkan sepanjang 2024, mencerminkan pendekatan SC yang telah lama diamalkan dalam terus menjalankan libat urus dengan industri dan bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan utama. Langkah ini membantu memupuk kepercayaan dalam kerja pengawalseliaan dan pembangunan kita serta menggalakkan keyakinan pelabur dalam pasaran modal Malaysia.

Asas-asas yang kukuh ini pastinya membantu tugas saya untuk memacu SC ke hadapan.

SOROTAN KAWAL SELIA DAN PEMBANGUNAN UTAMA 2024

Pada tahun 2024, usaha kawal selia SC tertumpu pada meningkatkan kecekapan pasaran, daya tahan, dan perlindungan pelabur. Dari perspektif pembangunan, inisiatif tertumpu pada pengukuhan kemampanan, daya saing, dan kebolehcapaian pasaran modal domestik.

Saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa proses pantas bagi kelulusan IPO telah diperkenalkan bagi mengurangkan tempoh penyenaian di Pasaran Utama dan Pasaran ACE, kepada tiga bulan. SC juga meluluskan pemindahan dipercepatkan pertama daripada Pasaran ACE ke Pasaran Utama pada tahun 2024. Peningkatan proses ini menegaskan komitmen kita untuk meningkatkan kecekapan pasaran.

Malah, **Malaysia mencatat bilangan penyenaian tertinggi di rantau ini, dengan 55 IPO pada tahun 2024** berbanding 32 IPO pada tahun 2023. Ini menyumbang kepada peningkatan ketara dalam permodalan pasaran, membolehkan saiz pasaran modal melebihi RM4 trilion.

Namun begitu, penipuan dan aktiviti tidak berlesen terus berleluasa, menjejaskan wang hasil titik peluh pelabur. Situasi ini memerlukan pendirian proaktif dalam membanteras aktiviti haram dan penipuan. Langkah-langkah pada tahun 2024 merangkumi peningkatan pengawasan terhadap aktiviti tidak berlesen, intervensi awal melalui Senarai Peringatan Pelabur SC, serta kerjasama dengan pihak berkuasa berkaitan, untuk menyekat laman web dan siaran di media sosial yang menyeleweng. Hasil daripada usaha-usaha ini, bilangan pertanyaan dan laporan yang diterima oleh SC meningkat sebanyak 337% sejak tahun 2019.

Dari segi keutamaan penguatkuasaan bagi 2024-2026, salah laku korporat dikenal pasti sebagai kebimbangan tambahan selain pelanggaran pendedahan, penipuan sekuriti, dan aktiviti tidak berlesen. Seiring dengan peningkatan penggunaan media sosial dan alatan dalam talian, bukti digital semakin memainkan peranan penting dalam siasatan. Oleh itu, Makmal Forensik Digital SC yang baru ditubuhkan akan menjadi aset berharga dalam memperkukuh keupayaan kita untuk memelihara dan menganalisis data elektronik.

Risiko terhadap keselamatan teknologi dan siber juga dititikberatkan dan merupakan sesuatu yang amat membimbangkan. Sehubungan itu, *Garis Panduan Pengurusan Risiko Teknologi* (GTRM) disemak semula dan dikuatkuasakan pada Ogos 2024, bagi memastikan pengantara pasaran kita memperkukuhkan kesiapsiagaan mereka dalam mengenal pasti, mengurangkan dan mengurus potensi risiko ini.

Walaupun terdapat risiko, kita juga menyedari manfaat teknologi. Program seperti SCxSC dan FIKRA ACE memainkan peranan penting dalam memupuk inovasi digital dalam pasaran modal. Kawal Selia Sandbox SC telah dilancarkan semasa Sidang Kemuncak Fintech SCxSC 2024 untuk menyediakan platform bagi menggalakkan penciptaan idea produk dan perkhidmatan inovatif, termasuk sekuriti yang ditokenkan.

Kemampanan adalah satu lagi bidang tumpuan utama. Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (NSRF), yang dilancarkan pada September 2024, mewujudkan rangka kerja yang kukuh untuk pendedahan kemampanan korporat. Rangka kerja ini memastikan syarikat korporat Malaysia menyampaikan maklumat kemampanan yang konsisten, boleh dibandingkan, dan boleh dipercayai.

Masih mengenai topik kemampanan, saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa SC telah melantik Ketua Pegawai Kemampanan demi menzahirkan komitmen kita untuk 'mengotakan apa yang dikatakan'. Selain itu, kajian semula yuran dengan pihak berkepentingan telah dimulakan ke arah meningkatkan kemampanan kewangan kita.

Akses kepada pengumpulan dana berasaskan pasaran juga perlu bersifat inklusif, terutamanya bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta syarikat peringkat pertengahan (MTC). Sehubungan itu, SC telah melancarkan *Pemangkin Akses PMKS dan Syarikat Peringkat Pertengahan ke Pasaran Modal: Pelan Hala Tuju 5 Tahun (2024 – 2028)* bagi mempergiatkan usaha memajukan segmen ini. Festival Batik Lestari yang julung kali diadakan pada Disember 2024 turut memberikan kita pemahaman lebih mendalam tentang cabaran yang dihadapi oleh artisan tempatan, selain menunjukkan keupayaan pasaran modal dalam menyokong pertumbuhan bagi mereka dalam sektor bukan tradisional.

Saiz industri pengurusan pelaburan Malaysia telah melepasi RM1 trilion, satu petanda positif keupayaan industri tersebut dalam memelihara dan mengembangkan kekayaan pelabur.

Menyedari kekuatan ini, kerajaan telah mengumumkan skim insentif Pejabat Keluarga baharu pada September 2024 untuk menarik keluarga bernilai tinggi dari Malaysia dan rantau ini bagi menyokong PMKS serta sektor ekonomi baharu.

Inisiatif ini dan pelbagai usaha lain merupakan sorotan utama kerja SC pada tahun 2024, yang diperincikan dalam laporan ini.

ASPIRASI BAGI TAHUN 2025

Ketika saya menulis perutusan ini pada awal tahun 2025, dua perkataan yang terlintas dalam fikiran mengenai tahun baharu adalah mencabar dan kesibukan. Selain aktiviti kawal selia dan pembangunan rutin yang sudah ketara, SC turut menerajui pelbagai inisiatif di peringkat serantau dan nasional.

Sempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia pada 2025, SC mengambil alih jawatan Pengerusi Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF), sebuah kumpulan serantau yang menghimpunkan pengawal selia pasaran sekuriti dan modal.

Selaras dengan tema Keterangkuman dan Kemampanan ASEAN 2025, agenda ACMF tahun ini merangkumi penerbitan Taksonomi ASEAN Versi 4 (melalui penyertaan ACMF dalam Lembaga Taksonomi ASEAN) serta usaha mendapatkan pengesahan serantau bagi Panduan Kewangan Peralihan ASEAN Versi 2. Di samping itu, kita akan berusaha membangunkan taksonomi bagi Mitigasi, Adaptasi, Ketahanan, dan Kewangan Mampan (MARS).

Kepengerusian ACMF ini membuka peluang untuk memperkukuh kerjasama serantau dan membina pasaran modal ASEAN yang lebih terhubung serta berdaya tahan. Dengan mengambil kira objektif ini, ACMF juga akan memberi tumpuan kepada pemuktamadan Pelan Tindakan ACMF lima tahun bagi 2026-2030.

Saya turut teruja untuk memastikan syarikat tempatan dan multinasional kita dapat menerajui rantau ini dalam memperjuangkan agenda kemampanan. Pada tahun 2025, kita akan mempunyai kumpulan pertama syarikat

tersenarai awam (PLC) dengan permodalan pasaran melebihi RM2 bilion yang mengeluarkan laporan kemampanan. Namun, masih banyak yang perlu dilakukan.

Pelaksanaan NSRF akan diteruskan dengan tumpuan beralih kepada cadangan pindaan perundangan terhadap *Akta Pelaporan Kewangan* serta pengeluaran Piawaian Pelaporan Kemampanan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

Dari segi kewangan sosial, kita berada di landasan yang betul untuk menubuhkan Bursa Sosial pertama di Malaysia, seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, pada Mei 2024. Program Perintis Bursa Sosial, atau SEPP25, yang dimulakan pada awal tahun 2025, merupakan langkah penting ke arah menyediakan pengumpulan dana berasaskan pasaran untuk projek sosial serta membawa Malaysia lebih dekat kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDGs). SEPP25 akan mengenal pasti keperluan dan ekosistem yang diperlukan untuk Bursa Sosial yang dijadualkan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2026.

Bursa Sosial juga menunjukkan kegunaan dan kebolehgunaan prinsip *Panduan Maqasid Al-Syariah Pasaran Modal Islam Malaysia*, yang dikeluarkan pada tahun 2023. Saya percaya pasaran modal memerlukan lebih banyak kes penggunaan dan kegunaan sedemikian untuk memberikan panduan tambahan kepada pengantara dan pihak berkepentingan dalam menggunakan pakai prinsip ini.

Untuk tujuan ini, kita sedang berusaha membangunkan penunjuk khusus bagi setiap prinsip *Maqasid al-Syariah*, bermula dengan pasaran ekuiti pada tahun 2025. Pengeluaran panduan dan petunjuk khusus yang berlandaskan nilai Islam ini diharapkan akan menggalakkan inovasi produk Islam yang lebih tinggi dan seterusnya mengukuhkan kepimpinan Malaysia dalam kewangan Islam.

SC juga akan melaksanakan skim insentif Pejabat Keluarga Tunggal (SFO) yang diumumkan oleh kerajaan, dengan matlamat untuk menyediakan struktur yang jelas, fleksibel dan memudahkan bagi membolehkan pejabat keluarga membina kehadiran mereka dengan cekap. Sebaik sahaja perintah cukai diwartakan, sasarannya adalah untuk menjalankan prapendaftaran sekurang-kurangnya dua SFO pada tahun 2025.

Selain itu, Malaysia akan menjalani dua penilaian utama pada tahun 2025. Ini merangkumi Penilaian Bersama Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF), yang dijalankan setiap tujuh hingga 10 tahun, serta Pengawasan Tadbir Urus Korporat (CG) dwitahunan bagi rantau Asia Pasifik.

Penilaian FATF Malaysia, termasuk rangka kerja penyeliaan AML/CFT/CPF, penting bagi reputasi global dan daya tarikan pelaburan Malaysia. Ini merupakan Penilaian Bersama Malaysia yang keempat sejak tahun 2001, dan kesan dan akibatnya amat tinggi. Laporan yang kurang menggalakkan bukan sahaja boleh menyebabkan pengurangan, malah penghentian transaksi institusi kewangan global dengan pengantara kewangan tempatan.

Sama pentingnya adalah mengekalkan atau meningkatkan kedudukan kita sebelum ini dalam *CG Watch 2025*, khususnya dalam kategori Juruaudit dan Pengawal Selia Audit, Peraturan CG, dan Syarikat Tersenarai.

Dari segi struktur, pasaran modal juga memerlukan pemikiran jangka panjang yang lebih mendalam serta penilaian terhadap trend masa depan dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang. Sebagai contoh, saiz pasaran modal domestik telah berkembang dan telah melebihi aset perbankan. Ini menunjukkan bahawa ekuiti, sukuk, dan sekuriti hutang merupakan instrumen utama bagi pengumpulan dana korporat, dan kita perlu memastikan trajektori ini berterusan, kerana pentingnya pendanaan pasaran modal dalam pertumbuhan ekonomi.

SC akan memulakan proses membentuk pandangan dan cerapan jangka panjang, termasuk visi dan objektif, dalam menggubal *Pelan Induk Pasaran Modal 4* (CMP4) pada tahun 2025. Ia akan menggantikan CMP3 (2021-2025). Objektif asas CMP4 adalah untuk memastikan pasaran modal Malaysia kekal berdaya saing dan berdaya tahan tatkala menghadapi perubahan ekonomi, sosial dan teknologi.

Sebagai penutup, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada semua warga SC atas profesionalisme mereka, dan kepada Ahli Lembaga serta Pasukan Eksekutif SC. Sehubungan itu, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Ahli Lembaga, Tan Sri Gooi Hoe Soon, Datuk Dr. Zunika Mohammed, Dato' Alizatul Khair Osman Khairuddin, Datuk Dr. Shahrazat Haji Ahmad, dan Encik Kemal Rizadi Arbi atas panduan serta pandangan bernas mereka sepanjang tahun ini. Ucapan terima kasih khas juga ditujukan kepada Tan Sri Mazlan Mansor, yang tamat tempoh perkhidmatan beliau dengan SC pada Februari 2024, dan selamat datang kepada Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, yang menyertai Lembaga SC pada Januari 2025.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak berkepentingan kami, termasuk pemain industri, pengawal selia dan pembuat keputusan utama, atas sokongan dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi selama ini. Marilah kita terus bersama membina pasaran modal yang stabil, adil dan teratur yang memenuhi keperluan semua rakyat Malaysia.



Dato' Mohammad Faiz Azmi

